



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

MAMPU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah pecahan kepala 210101 hingga 210106 bagi menyertai tender berikut:

NO. TENDER	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
MAMPU/ PERKHIDMATAN/ 11/ 2008	Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Merekabentuk, Membangun, Menguji dan Mentauliah Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi Bagi Melaksanakan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik Untuk Agensi Kerajaan	210101
		210102
		210103
		210104
		210105
		210106

Dokumen Tender boleh diperoleh pada waktu pejabat seperti berikut:

Tarikh jualan : 23 September 2008 (Selasa) – 10 Oktober 2008 (Jumaat)

Masa jualan : Isnin - Khamis : 8:30 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 4:30 petang
Jumaat : 8:30 pagi – 12:15 tengah hari dan 2:45 petang – 4.30 petang

Dokumen Tender tersebut boleh diperoleh di Ibu Pejabat Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya dengan menunjukkan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** daripada **KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas yang masih belum tamat tempoh dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika ada) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**. Satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan juga perlu dibawa semasa membeli Dokumen Tender dan diserahkan kepada MAMPU dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)** senaskhah dan wang tersebut tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang (*Money Order*) / Bank Draf / Wang Pos atas nama Ketua Pengarah MAMPU. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Satu sesi taklimat tender akan diadakan pada **13 Oktober 2008 (Isnin), pukul 2.30 petang** bertempat di **Bilik Persidangan, Aras 2, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya**. Kehadiran dihadkan kepada dua (2) orang wakil sahaja bagi setiap syarikat. Kehadiran hendaklah disahkan dengan mengembalikan borang kehadiran seperti di **Lampiran E** sebelum **10 Oktober 2008**.

Hanya syarikat yang telah membeli dokumen tender dan menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan untuk membuat tawaran tender. **Kegagalan Petender untuk menghadiri taklimat tender tersebut akan mengakibatkan cadangan Petender tidak layak untuk dipertimbangkan dan DITOLAK.**

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya** sebelum atau pada **20 Oktober 2008 pukul 12:00 tengah hari**. Tawaran tender yang lewat diterima, bersabit apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.